



KENANGAN Peserta bergambar kenangan bersama Profesor. Dr. Ong Seng Huat.

UMS anjur Seminar Analisis Mikrodata Malaysia untuk pelajar

NST 20.9.2018 4
KOTA KINABALU: Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan seminar mengenai Analisis Mikrodata Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia.

Seminar sehari itu memberi peluang kepada kira-kira 200 pelajar dari FSSA dan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) untuk melihat dengan lebih jelas mengenai kepentingan mikrodata dalam kajian dan penyelesaian pelbagai isu di Malaysia.

Menurut Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. D. Kamarudin D. Mudin, penganjuran julung kalinya itu merupakan kesinambungan kepada Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani bersama Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2015.

“Dengan perubahan pantas yang disebabkan oleh globalisasi dan pembangunan teknologi,


terdapat peningkatan yang lebih besar dari segi permintaan data dan maklumat statistik mengenai reaksi pengendali ekonomi individu sama ada dalam perniagaan mahupun isi rumah,” ujarnya.

Tambah beliau, penggunaan mikrodata yang relevan dapat meningkatkan potensi untuk memberikan pandangan-pandangan baharu bagi menggubal dasar di Malaysia.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Dekan FSSA, Profesor Dr. Baba Musta.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengantarabangsa dan Penglibatan Global, Profesor Dr. Ho Chong Mun yang juga merupakan Pengerusi Penganjur berkata, sebanyak lapan kertas kerja dibentangkan pada seminar kali ini.

“Hasil daripada seminar ini bukan sahaja untuk tujuan akademik tetapi juga sebagai input kepada perancangan dan pembangunan masa



CENDERA MATA Profesor. Dr. Ong Seng Huat (tengah) menerima cenderamata daripada Profesor Dr. Baba Musta.

depan negara,” jelasnya.

Pada seminar tersebut, turut diselitkan forum bertajuk ‘Analisis Mikrodata Malaysia : Isu dan Langkah Seterusnya’ yang menampilkan tiga orang panel iaitu Pengarah Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data Jabatan

Perangkaan Sabah, Srimaniam (GST) diperkenalkan, kata Ketua Pengarah Kastam Datuk Seri T. Subromaniam.

Beliau berkata peman-tauan jabatan kastam juga mendapati selepas 18 hari pelaksanaan, SST berjalan lancar walaupun terdapat beberapa isu.

“Masa hari pertama sistem percukaian GST kami terima beribu aduan.... sistem percukaian GST panas berbanding SST sekarang ini,” katanya kepada pemberita selepas perasmian Operasi Patroli Terkoordinasi (Patkor Kastima) 24A/2018, di sini kelmarin.

Beliau berkata peniaga dan pembeli boleh menghubungi

Subromaniam berkata pihaknya turut mengeluarkan senarai pegawai pakar SST di ibu pejabat dan Ketua SST negeri yang boleh dihubungi di laman web jabatan itu bagi membantu peniaga memahami prosedur pelaksanaan SST serta menjawab sebarang pertanyaan berkaitan sistem cukai tersebut.

Peniaga juga boleh menghubungi Pusat Panggilan Kastam di talian 1300 888 500 atau menghantar e-mel ke ccc@customs.gov.my. Selain itu, pertanyaan juga boleh dibuat ke talian Helpdesk SST 03-83237499/7522 atau SST Crisis Centre di talian 03-8882 2289/2303/2492/2617. -Bernama

Perangkaan Malaysia, Siti Haslinda Mohd Din; Pengarah Sektor Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Azmel Mahmud serta Pensyarah Kanan Universiti Malaya, Profesor. Dr. Ong Seng Huat.